



SIARAN MEDIA

UNIT PENYELARASAN LONJAKAN PRESTASI (PACU) PEJABAT PERDANA MENTERI

STAR TERUS PERKASA INTEGRITI, PENILAIAN PRESTASI AGENSI KERAJAAN DAN MEMPERKUKUH KESIAPSIAGAAN MENGADAPI BANJIR

**UNTUK SIARAN SEGERA
22 SEPTEMBER 2025**

PUTRAJAYA, 22 September 2025 – Komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh agenda reformasi penyampaian perkhidmatan awam diteruskan menerusi penganjuran Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) Bilangan 8 Tahun 2025 yang berlangsung hari ini, dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara.

Dalam ucapan pembukaannya, Tan Sri KSN menegaskan bahawa Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) kini memasuki fasa penting pelaksanaan, di mana kejayaan tidak lagi diukur melalui pelancaran inisiatif semata-mata, tetapi pada hasil nyata yang memberi manfaat langsung kepada rakyat. Beliau turut menekankan kejayaan awal seperti Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) yang telah menjana penjimatan kos hampir RM1.1 bilion sebagai bukti bahawa reformasi mampu menghasilkan impak besar sekiranya dilaksanakan dengan tuntas dan berfokus kepada hasil.

Mesyuarat kali ini memberi tumpuan kepada status semasa pelaksanaan projek-projek STAR serta beberapa kertas penting. Antara yang dibentangkan ialah cadangan pelaksanaan Sistem Pengurusan Integriti dan Governans (SPINE) oleh Institut Integriti Malaysia, yang bakal menjadi instrumen baharu dalam memperkukuh tatakelola, integriti dan akauntabiliti sektor awam. Mesyuarat turut meneliti laporan Penilaian Prestasi Demerit (DEEP) Suku Kedua 2025 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang menjadi kayu ukur objektif dalam menilai keberkesanan prestasi agensi kerajaan secara menyeluruh.

Selain itu, pembentangan berkaitan persediaan menghadapi Monsun Timur Laut 2025/2026 oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air turut diberi perhatian, dengan penekanan kepada keperluan koordinasi rentas agensi bagi memastikan kesiapsiagaan negara menghadapi bencana alam dapat dipertingkatkan secara menyeluruh.

Mesyuarat STAR Bil. 8/2025 juga diserikan dengan sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Fotografi dan Kapsyen Menarik Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA). Pertandingan ini dianjurkan sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) 2025 pada 15 Ogos lalu bertujuan memupuk kreativiti serta memperkukuh keterlibatan warga perkhidmatan awam dalam mendukung pelaksanaan ARPA.

Ketua Setiausaha Negara telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang iaitu En. Muhammad Danish Asfa bin Zairol, pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh, Perak (tempat ketiga); En. Mohd Tadzman bin Utuh Tang, Pembantu Tadbir Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) (tempat kedua); dan Pn. Nor Suhaida binti Juhari, Pembantu Tadbir Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) selaku juara pertandingan. Penganjuran ini menyerlahkan komitmen warga perkhidmatan awam dalam mendukung aspirasi ARPA sebagai tonggak reformasi perkhidmatan awam selaras aspirasi Malaysia MADANI.

Sebagai simbol pengiktirafan terhadap kementerian yang berjaya melaksanakan projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB), lima kementerian telah menerima sijil penghargaan RKB:

1. **Kementerian Pertahanan (MINDEF):** Mempercepat Proses Pengurusan Aduan Integriti dari 21 Hari kepada 1 Hari dengan penjimatan kos pematuhan sebanyak RM815,122 setahun;
2. **Kementerian Pendidikan (KPM):** Mempercepat Tempoh Pengeluaran Surat Sokongan Pas Pelajar dari 60 Hari Bekerja kepada 14 Hari Bekerja yang memberi faedah kepada pelajar antarabangsa dan pertumbuhan sektor pendidikan;
3. **Kementerian Luar Negeri (KLN):** Mempercepat Proses Penyampaian Perkhidmatan di Bahagian Konsular dari 101 Minit kepada 30 Minit melibatkan penjimatan kos pematuhan berjumlah hampir RM4 juta setahun;
4. **Kementerian Ekonomi:** Mempercepat Proses Kelulusan Bahan Binaan bagi Projek Pembangunan Hartanah oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dari 40 Hari kepada 5 Hari; dan Mempercepat Kelulusan Bantuan bagi Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan Pembasmian Miskin Tegar (BMT) di Negeri Sabah dari 10 Minggu kepada 1 Minggu; dan
5. **Kementerian Kerja Raya (KKR):** Meningkatkan Kecekapan Pelaksanaan Kerja Pengalihan Utiliti Elektrik Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah yang memberi manfaat dalam pertumbuhan ekonomi setempat.

Kerajaan menerusi STAR akan terus memberi penekanan terhadap agenda produktiviti negara dan penyelesaian isu-isu struktural yang menghalang tatakelola baik serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Setiap inisiatif dan keputusan yang dibawa melalui STAR dirancang dengan teliti bagi memastikan impaknya dapat dirasakan secara langsung oleh rakyat, seiring dengan semangat *whole-of-government and society approach* yang menjadi teras Malaysia MADANI.

Pasukan STAR yang diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), dengan kerjasama Pejabat KSN, Unit Pantau MADANI (PMU) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), akan terus memainkan peranan strategik sebagai platform reformasi merentas kementerian dan agensi, memastikan pelaksanaan dasar kerajaan lebih cekap, telus dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Reformasi Satu Kemestian!

Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR)
Putrajaya

22 September 2025

